

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001**

September/Okttober 2000

VRT 221 – Teori Rekabentuk

Masa: [3 jam]

Arahan:

- 1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi lima [5] soalan dan dua [2] muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.**

 - 2. Jawab tiga [3] soalan sahaja. Pilih satu [1] soalan di bahagian A dan pilih dua soalan di bahagian B**

 - 3. Setiap soalan bernilai 100 markah.**
-

Bahagian A

Pilih satu [1] soalan

1. Ahmad (1993:11) membuat kesimpulan bahawa *design* atau rekabentuk dilihat sebagai:
“a key business sustainer, integrator, predictor, enabler, consolidator, problem solver, business initiator, product enhancer, profit generator, initiator of change, planner and creator”

terjemahannya berbunyi:

“Sebagai pengawal nadi perniagaan, pelengkap, peramal, pemboleh(penggerak), penyelesai masalah, printis perniagaan, pemaju produk, penyatu, penjana keuntungan, penggerak perubahan, perancang dan pencipta”

Sila jelaskan pandangan di atas secara terperinci?

Atau

2. Perkataan *rekabentuk* atau *design* berasal daripada perkataan Latin iaitu *designare* yang membawa makna *to mark out*(untuk membuat tanda atau kesan). Penggunaan perkataan rekabentuk atau *design* pada masa kini telah begitu meluas dan telah melampaui makna asal perkataan tersebut. Oleh itu berikanuraian tentang apakah yang dimaksudkan dengan *rekabentuk* dan jelaskan hubungannya dengan bidang grafik?

Bahagian B

Pilih dua [2] soalan

3. Cuba berikan persamaan dan perbezaan di antara kaedah penyelidikan sains sosial dan proses rekabentuk(*design process*).
4. *Iklan yang dipaparkan di dada akhbar atau majalah tidak semestinya cantik, menarik, ataupun manis, apa yang penting ialah produk yang diiklankan mesti laris selepas diiklankan.* Berikan pandangan anda terhadap pandangan ini?
4. Peter Dormer, di dalam bukunya The Meaning of Modern Design (1991:10) menyatakan bahawa *“kemungkinan ‘avant garde’ di dalam rekabentuk agak terbatas jika dibandingkan dengan bidang seni halus dan jika rekabentuk bergerak mendahului apa yang difahami oleh pengguna maka pengguna tidak akan memahaminya, oleh yang demikian, pengguna akan berhenti mengguna”*. Berdasarkan kenyataan tersebut, pada pandangan anda kenakah ianya berkeadaan sedemikian dan apakah kenyataan ini benar?